

05 SEP 1997

Umno-Gugur (Fokus Berita)

TIADA LAGI UMNO LAMA ATAU BARU...UMNO HANYA SATU

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Umno kini tidak perlu lagi dihantui kompleks rendah diri, ejekan atau cerca pihak lawan kononnya ia parti setahun jagung, bukan parti Umno asli yang diasaskan pada 1946.

Menurut pemerhati, musuh-musuhnya kini tidak boleh lagi menganggap Umno yang ada sekarang sebagai sebuah parti yang terpesong jauh daripada Umno yang diasaskan Datuk Onn Jaafar dan rakan-rakan seangkatannya.

Ini ialah kerana perhimpunan agung khas yang diadakan sempena perhimpunan agung Umno 1997 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini, sebulat suara bersetuju meminda perlembagaan parti bagi menggugurkan perkataan "Baru" pada namanya. Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemukakan cadangan pindaan itu.

Sebelum ini parti yang menjadi tunjang pemerintahan negara itu tidak ada pilihan lain melainkan terpaksa akur untuk selama lebih sembilan tahun dengan panggilan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau Umno.

Sepanjang tempoh itu ada di kalangan anggota Umno yang malu untuk "angkat muka" apabila dipersenda oleh parti-parti lawan, khususnya PAS, kononnya Umno jauh lebih mentah daripada semua parti politik yang ada di negara ini sekarang.

Pemimpin-pemimpin PAS bertindak lebih jauh dari itu dengan mendakwa bahawa PAS adalah satu-satunya parti berteras Melayu yang paling dewasa di negara ini kerana ia ditubuh pada tahun 1951, berbanding dengan Umno (Baru) yang hanya diasaskan pada 1988.

Hasil manipulasi pihak pembangkang, isu Umno (Baru) itu sedikit-sebanyak telah menjejaskan prestasi parti itu di beberapa kawasan pilihan raya yang majoriti pengundinya orang Melayu.

Bahkan, ada penganalisis berpendapat kejatuhan kerajaan Barisan Nasional di Kelantan dan kehilangan beberapa kerusi Parlimen dan negeri di Terengganu pada pilihan raya umum 1990 dan 1995 sedikit-sebanyak hasil kejayaan pembangkang memanipulasikan isu "Umno lama" dan "Umno baru" itu.

Ketika bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) masih bersekongkol dengan PAS menerusi Angkatan Perpaduan Ummah, anggota dan pemimpin parti serpihan Umno itu paling lantang mendakwa bahawa Umno (Baru) langsung tidak ada kena-mengena dengan Umno yang diasaskan pada 1946.

Dakwa mereka, Umno (Baru) diasaskan semata-mata menurut acuan dan telunjuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kononnya bagi memastikan beliau dapat menerajui parti itu seberapa lama dikehendaknya tanpa bimbang akan menghadapi cabaran.

Kemelut "Umno lama" dan "Umno baru" itu tercetus apabila Umno 1946 diisytiharkan pertubuhan haram oleh Mahkamah Tinggi pada 4 Feb, 1988 dan pembatalan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan pada 12 Feb tahun yang sama.

Mahkamah membuat perisytiharan itu apabila keputusan pertandingan pemilihan pucuk pimpinan parti pada April 1987 dipertikaikan.

Pada pemilihan itu, bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah kalah tipis dalam usahanya untuk menumbangkan Dr Mahathir daripada kerusi presiden. Regu Tengku Razaleigh ketika itu iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam pula gagal mempertahankan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden parti dengan kekalahan tipis di tangan (Tun) Ghafar Baba.

Berikutan keputusan mahkamah dan Pendaftar Pertubuhan itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh beberapa pihak untuk menghidupkan semula Umno,

parti yang telah sekian lama menjadi payung kepada kekuatan politik orang Melayu.

Golongan pimpinan bekas Perdana Menteri pertama Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj, yang dikatakan memihak kepada Tengku Razaleigh telah cuba mendaftarkan parti Umno (Malaysia) tetapi ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan.

Sebaliknya, permohonan golongan yang memihak kepada Dr Mahathir dan majoriti kepimpinan Melayu ketika itu untuk mendaftarkan parti Umno (Baru) telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 15 Feb 1988 dan perisytiharan penubuhannya dibuat sehari kemudian.

Golongan Tengku Razaleigh akhirnya menubuhkan S46 dan mencanangkan ke segenap penjuru tanah air bahawa itulah parti yang benar-benar membawa kesinambungan dan semangat Umno 1946.

Berikutan pengharaman Umno lama itu, pemimpin-pemimpin Umno (Baru) benar-benar diletak dalam dilema kerana ketika itu amat sukar baginya untuk meyakinkan rakyat bahawa ia adalah warisan sejati Umno 1946.

Ini ialah kerana berpuluh-puluh ribu daripada bekas anggota Umno lama telah berhijrah bersama-sama Tengku Razaleigh ke dalam parti S46.

Pengharaman Umno lama juga menyebabkan semua aset parti itu termasuk bangunan-bangunan pejabat perhubungan dan bahagiannya di seluruh negara dipindah untuk diselenggarakan oleh Pemegang Amanah Raya. Umno (Baru) boleh dikatakan bermula tanpa sebarang harta.

Bagaimanapun, kerumitan yang dihadapi Umno (Baru) itu tidak berlarutan lama kerana dengan beberapa pindaan terhadap undang-undang yang berkaitan, harta yang dikendalikan Pemegang Amanah Raya akhirnya berpindah tangan kepada Umno (Baru).

Proses pemindahan itu dipercepatkan lagi dengan melonjaknya keanggotaan Umno (Baru) apabila pemimpin-pemimpin S46 yang semakin kehilangan pengaruh, termasuk di kubu kuatnya Kelantan, memilih jalan waras dengan membubarkan parti itu November lepas.

Dengan kembalinya Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya ke pangkuan Umno, bilangan anggota parti itu kini telah meningkatkan kepada 2.7 juta orang, hampir sekali ganda lebih tinggi daripada keanggotaan Umno lama ketika ia diharamkan.

Penganalisis berkata, Umno telah selesai melalui satu pusingan kritikal dalam sejarah pahit-maung perjuangannya. Kini tidak ada siapa lagi yang boleh mempersoalkan ketulenan dan kesinambungan perjuangan Umno (Baru) itu.

Bila tiba pada tahap itu, langkah perhimpunan agung khas Umno hari ini meminda perlembagaan parti bagi menggugurkan perkataan "Baru" pada nama parti itu tentulah mempunyai kewajarannya.

Itulah yang telah dilakukan terhadap Fasal 1 Perlembagaan Umno oleh 1,905 perwakilan ke perhimpunan itu. Kini tiada lagi Umno lama atau Umno baru. Umno hanyalah satu. -- BERNAMA

AM